

# Mahu jadi orang apa, orang sains, orang sastera?

UB 17.11.2019 15

"SASTERA itu adalah jantung kita, sains itu pula adalah otak kita".

Kesan kata-kata ini mengingatkan aku pada aliran pendidikan yang aku ceburi dahulu.

Kata-kata ini disampaikan oleh Prof. Emeritus Dr. Muhammad Hji Salleh sambil mengimbas kembali kenangannya melawat Sabah lebih tiga puluh tahun yang lalu sebagai Sasterawan Negara yang keenam sebelum membaca puisinya.

Di sampingnya sebuah kerusi, tempatnya letak sebuah buku kumpulan puisi di atas pentas itu pada malam 31 Oktober 2019 pada Majlis Santai Puisi bersama Sasterawan Negara, di Anjung Siswa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu.

Sebagai Sasterawan Negara, dia yang kali keempat aku temui secara peribadi. Yang pertama, Datuk Dr A. Samad Said, di Kedah, 2011, kedua Datuk Dr Kemala, di Sandakan, 2018, ketiga Datuk Dr. Zurinah Hassan di UMS, tahun ini. Prof Dr Zainon Ismail sebelum menjadi Sasterawan Negara yang ke-14 pada tahun ini kerap aku temui dalam program sastera di Sabah. Mereka ini masing-masing adalah ikon pada sastera di negara ini.

Aku belajar sains, bergiat pula dalam bidang seni dan sastera. Subjek teras yang aku pelajari melibatkan sains, seni dan sastera, termasuk bahasa selama dua tahun.

Selama dua tahun pula aku belajar subjek utama tentang perhutanan sehingga aku dapat membawa pulang segulung ijazah. Beberapa rakan akan punya reaksi seperti ini: "ay, jauhnya bidangmu ke bidang sastera."

Pertanyaan lanjut akan aku jawab tentang industri kayu balak di negeri Sabah dahulu, yang pernah menjadi gerbang rezeki besar.

Walau tidak jadi kaya, mungkin dapat hidup senang. Sekurang-kurangnya soalan mengapa aku terjebak dalam bidang sains perhutanan itu punya jawapan.

Kini pengeksporan ke luar negara sudah dihentikan. Seperti yang diberitakan untung besarnya dimonopoli oleh pengendali eksklusif.

"Besok di mana aku ambil kau?" Tanya Sifu merujuk pada tanggal 1 November 2019. "Di luar sana saja, Sifu. Macam biasa," jawabku merujuk pada kawasan kedai di Jalan Kayu Madang, Telipok. "Bah, kita ambil kawan dulu, baru SN, lepas itu ke DBP, baru ke Sandakan," sambungnya sambil menepam pundakku.

Selepas bercerita santai di

DBP tentang perancangan program sastera dan bahasa dengan Pengarah, Puan Aminah Awang Basar, Tuan Rusdi Awang, Puan Hajah Norjanah Yusuf dan Puan Jennitah Noordin, sesi merakam gambar kenang-kenangan dibuat di luar bilik mesyuarat.

Waktu pula sedang menunggu, walau secara batin ia terus bergerak.

Ia pula hanya dapat diketahui daripada kitaran anak jarum ke arah kanan, yang hingga kini dikenali sebagai "pukul", dalam bahasa Suluk sebagai lisag, seperti memukul gong dan kulintangan.

Entah mengapa pukul dan mengapa berputar ke arah kanan.

Bagaimana agaknya nenek moyang kita memutuskan sedemikian.

Mungkin mulanya daripada sinar matahari terbit lalu memukul permukaan bumi di negeri mereka huni.

Mungkin tempat matahari terbit di sebelah timur berada di sebelah kiri dan benamnya di sebelah barat berada di sebelah kanan.

Beberapa persoalan ini bermain di otakku, tapi tidak terjawab oleh jantungku secara pantas ketika itu. Sifu



**DEKLAMASI PUISI:** Penulis bersama Dr Sifu Art mendeklamasikan puisi sajen dan puisi interaktif, boleh tanyakah.

sudah mula menghidupkan enjin kenderaan sebagai isyarat waktu berangkat sedang dimulai.

Dalam kereta pacuan empat roda itu, Sifu sebagai supir, di sampingnya aku, Prof SN dan Dr Shah berada di belakang.



**BUKU PELAWAT:** Prof SN sedang menulis di buku pelawat di Bilik Mesyuarat, DBPC Sabah ketika berkunjung ke sana.

Dalam perjalanan itu mereka perkatakan tentang perkembangan sastera tanah air yang masih diharap diletakkan seiring dengan sains.

Aku menjadi pendengar yang baik. Bagiku sastera dan sains saling berkaitan. Aku nikmati suara lembut Prof SN berkongsi pengalamannya tentang sastera dan sains di luar negara.

Dia yang terkenal dengan karya Perjalanan Si Tanggang II mendapat anugerah Hadiah Sastera ASEAN pada tahun 1977,

muzik bahasa. Bagaimana ia dibaca dan memantul ke cuping telinga.

Mungkin apa yang dia maksudkan itu adalah karya yang dipuitiskan dengan menggunakan kebijaksanaan sehingga menjaral ke lubuk jantung dan meresap ke pangkal akal.

"Marilah kita makan di warung di tepi-tepi gunung ini," katanya yang kadang-kadang Sifu panggil sebagai Prof SN. Makanan yang sepatutnya kami sudah habiskan di DBP diberikan sebagai bekal keran ketika itu waktu sudah menjerit. Ada nanti kami boleh makan bila rasa lapar menghantar isyarat ke dalam otak.

"Bagus di warung cikgu Mahmud Jahar, di sana Ranau, ke arah jalan Tambunan," kataku kepada Sifu.

Jari telunjuknya mula mencari nombor cikgu sambil dia siok bercerita kepada Prof SN tentang cikgu sebagai penulis puisi yang baik dan otai. "Tidak jauhkah? Bah, telefon dia," katanya sambil menghulurkan telefonnya kepadaku di sebelah kirinya.

Cepat kami nikmati, ayam goreng, nasi dan sambal pemberian DBP itu, kopi o dan sayur terung masak lada putih, lauk tambahan yang dihidang oleh cikgu, buah langsung yang dibeli oleh Prof SN di Pekan Nabalu.

Sebelum jalan, Dr Shah sempat berjalan-jalan di tepi



**HADIAH:** Rezal Pawana menghadiahkan sebuah lukisan karikaturnya kepada Prof SN.

padang golf, di bawah rumah pokok cikgu, di sebelah pagar, di belakang warung itu.

"Kusimpan sebagai kenangan abadi bersama SN sewaktu beliau singgah di Warung MJ sambil menitipkan buku kumpulan sajaknya Watak Tenggara," tulis cikgu di dinding mukabukunya.

Dia akhiri dengan ayat keramat syukur, "terima kasih", ayat yang paling senang dan susah disebut bagi sebilangan orang ketika dapat hadiah dan bantuan.

Prof SN tidak larat lagi untuk berkupi-kupi bersama pengarang pada malam ketibaan kami.

Aku guna "pengarang" kerana Prof SN menggunakannya merujuk kepada penulis dan penyair.

"Kita singgah beli saja dan terus ke hotel. Tidurku sejam saja.

Aku tak tahu kenapa aku tak boleh tidur. Aku perlu berehat," katanya dari bahagian belakang kereta. Kami singgah di Batu 3 beli Nasi Ayam.

"Kita jumpa saja. Terus kan mengopi. Besok kita jumpa SN juga.

Kita bagilah dia berehat," kata Tuan Haji Al-Fazli Haji Salleh, seorang penulis sambil menyebut "pandikar" untuk ikut bersama merujuk kepada Rezal Pawana, seorang penulis, pemuzik dan pelukis.

Dalam Pertemuan Sasterawan bersama Ilmuan,

2 November 2019, di Dewan Serbaguna, Fakulti Pertanian Lestari (FPL), UMS Sandakan, Prof SN berkongsi tentang kaitan sastera dan sains.

"Sastera ditulis untuk beberapa tujuan. Bidanganya naluria.

Ilmu datang setelah naluria dan sains juga datang setelah naluria," kongsiya di atas pentas, duduk di samping Dr. Puad Bebit selaku moderator, yang lebih dikenali sebagai Sifu Art.

Cebisan kata-katanya yang meninggalkan kesan itu sempat aku rakam bersama kata-kata, "sastera adalah kehidupan dalaman untuk mendidik hati kerana sastera ada rohnya, sains pula adalah kehidupan luaran. Kita perlukan unsur sastera agar kita menjadi manusia yang lengkap."

Pada hari itu, aku juga sangat bertuah kerana sempat diwawancara oleh Nurul Shahliza, seorang pelajar Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk tugasannya menulis tentang penulisan sastera Melayu di negeri Sabah.

Hari kunjungan kami diakhiri pada waktu malamnya dengan majlis baca puisi, nyanyian dan tarian, yang turut dihadiri oleh Dekan, Prof. Dr. Abdul Hamid Ahmad, ahli fakulti, para penyair dan pelajar.

Hatta Yunus Sawabi,

seorang budayawan Suluk pula tidak sempat hadir pada malam itu, kecuali mengajak kami makan tengahari sebelum bertolak kembali ke Kota Kinabalu pada keesokan harinya.

Seperti di UMS Kota Kinabalu, aku dan Sifu berganding semula mendeklamasikan puisi.

Dia punya "sajen", aku punya "boleh tanyakah", sebuah puisi untuk berinteraksi, hasil ringkasanku daripada perkongsian Prof SN, seperti di bawah ini:

Kau mau jadi apa orang sains orang sastera orang seni atau orang budaya atau mau jadi manusia yang ada ilmu ada sastera? kalau sudah memilih bah! perlu tanya diri sendiri bawa bincang sama menteri.

"Jutaan terima kasih saudara Nelson. Baik sekali ringkasan ceramah saya. Kalau datang KL singgahlah di rumah saya. Sedap juga suara saudara membaca puisi. Terus kan dengan bakat yang ada," jawabnya dalam emel selepas puisi itu aku kirimkan kepadanya pada 3 November 2019 atas pesannya kepada Sifu untuk aku kirimkan. (Artikel sumbangan oleh Nelson Dino.)



**SN BACA PUISI:** SN Prof Dr Muhammad Hji Salleh sedang membaca puisinya 'makan' di Malam Santai Puisi, UMS Sandakan.



**DI WARUNG MAKAN:** Prof SN bersama Cikgu Mahmud Jahar di Warung Makan MJ, Ranau ketika singgah makan.